



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)

[www.ijepec.com](http://www.ijepec.com)



**PENDEKATAN TERAPI KOGNITIF TINGKAH LAKU  
TERHADAP PENYESUAIAN DIRI WANITA PASCA  
PERCERAIAN**

*COGNITIVE BEHAVIOR THERAPY APPROACH FOR ADJUSTMENT OF POST-  
DIVORCE WOMEN*

Nur Azmina Paslan<sup>1\*</sup>, Mohamad Hashim Othman<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia  
Email: nurazminapaslan.law@gmail.com

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 01.12.2021

Revised date: 10.12.2021

Accepted date: 15.12.2021

Published date: 31.12.2021

**To cite this document:**

Paslan, N. A., & Othman, M. H. (2021). Pendekatan Terapi Kognitif Tingkah Laku Terhadap Penyesuaian Diri Wanita Pasca Perceraian. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (44), 222-231.

DOI: 10.35631/IJEPC.644017

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



**Abstrak:**

Perceraian memberi kesan kepada kehidupan wanita pasca perceraian untuk meneruskan kehidupan. Intervensi kaunseling merupakan salah satu kaedah yang boleh dijalankan untuk membantu kesejahteraan psikologi wanita pasca perceraian meliputi aspek pemikiran, tingkah laku dan emosi. Pendekatan terapi Kognitif Tingkah Laku digunakan dalam intervensi kaunseling dalam menangani penyesuaian diri wanita pasca perceraian. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan mengkaji kesan pendekatan intervensi Kognitif Tingkah Laku terhadap penyesuaian diri wanita pasca perceraian. Tiga orang wanita telah dipilih sebagai sampel kajian dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Sampel kajian tersebut adalah dalam kalangan wanita yang telah bercerai di Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang. Kajian ini dijalankan sebanyak 12 sesi kaunseling. Data kuantitatif telah dikumpulkan berdasarkan data pada fasa baseline, rawatan dan reversal baseline yang diukur menggunakan Skala Penyesuaian Diri Pasca Perceraian Fisher (FDAS). Hasil dapatan menunjukkan peningkatan tahap penyesuaian diri wanita pasca perceraian.

**Kata Kunci:**

Kognitif Tingkah Laku, Penyesuaian Diri, Wanita, Pasca Perceraian

**Abstract:**

Divorce affects post-divorce women's life to move on. Counseling interventions are one of the methods that can help the psychological well-being of post-divorce women aspect cognitive, behavior and emotions. Cognitive Behavioral Therapy approaches are used in counseling intervention. This study aims to examine the effects of Cognitive Behavioral Therapy interventions on women's post-divorce adaptation. Three women were selected as study sample subjects using the purposive sampling method. The study samples were selected among women who have gone through the divorce process in the Penang State Syariah Court. Total of 12 counseling sessions were conducted throughout the study. Quantitative data were collected based on data during baseline, treatment, and reversal baseline phases. The data were measured using Fisher Divorce Adjustment Scale (FDAS). Furthermore, the data were analysed descriptively. The result of the study shows that there is an increase in the adaptive of post-divorce women. Overall, the Cognitive Behavioural approach can improve the psychological adaptation in post-divorce women.

**Keywords:**

Cognitive Behavior Therapy, Adjustment, Women, Post-Divorce

**Pengenalan**

Perceraian mampu memberi kesan negatif terhadap sistem dan kefungsiannya keluarga yang melibatkan suami, isteri dan anak-anak. Selain itu, perceraian ini dapat menjejaskan kesejahteraan psikologi, khususnya terhadap wanita yang kehilangan tempat bergantung dan perlu melalui fasa penyesuaian diri berstatus ibu tunggal bagi meneruskan kehidupan mereka bersama anak-anak. Konflik keluarga dan keruntuhan institusi perkahwinan mampu mendorong kepada masalah kemurungan terutamanya terhadap kalangan wanita kerana emosi wanita adalah lebih sensitif berbanding lelaki (Siti Zalikha, 2005; Girgus & Yang, 2015; Crawford et al., 2001).

Masalah psikologi yang cenderung dihadapi oleh wanita pasca perceraian adalah masalah penyesuaian diri. Fasa penyesuaian diri pasca perceraian merupakan suatu tempoh masa yang mampu mengubah kehidupan seharian wanita. Wanita pasca perceraian biasanya mengalami kesunyian, kecelaruan emosi, pengasingan diri dan kemurungan dalam proses penyesuaian diri yang boleh menjejaskan kesihatan mental wanita pasca perceraian (Gaffal, 2010; Mahoney et al., 2007; Vukalovich, 2004).

Tahap penyesuaian diri yang rendah bagi suatu tempoh yang lama boleh mendatangkan masalah kemurungan iaitu perasaan sedih berlebihan yang berpanjangan dan menjejaskan corak pemikiran, sistem kepercayaan, emosi dan tingkah laku seseorang individu (Gurian, 2001; Haugaard, 2001) yang memerlukan rawatan psikiatri. Proses penyesuaian diri wanita pasca perceraian amat penting dan perlu diberikan perhatian bagi memastikan mereka tidak mengalami kemurungan.

**Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk melihat kesan pendekatan Terapi Kognitif Tingkah Laku dalam membantu meningkatkan penyesuaian diri wanita pasca perceraian. Objektif khusus adalah untuk mengkaji tahap penyesuaian diri wanita pasca perceraian dan kesan penggunaan Terapi Kognitif Tingkah Laku wanita pasca perceraian.


## Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang dikenal pasti dalam kajian ini iaitu:

*Apakah kesan pendekatan intervensi Kognitif Tingkah Laku terhadap penyesuaian diri wanita pasca perceraian?*

## Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konsep kajian ini memberikan fokus kepada kesan pendekatan intervensi Kognitif Tingkah Laku sebagai pemboleh ubah tidak bersandar terhadap tahap penyesuaian diri wanita pasca perceraian sebagai pemboleh ubah bersandar. Menurut Gay dan Airasian (2003) menyatakan bahawa pemboleh ubah bersandar adalah pemboleh ubah yang memberikan tindak balas atau respons jika dihubungkan dengan pemboleh ubah tidak bersandar manakala pemboleh ubah tidak bersandar pula adalah pemboleh ubah stimulus atau pemboleh ubah yang mempengaruhi pemboleh ubah yang lain. Pemboleh ubah bebas merupakan pemboleh ubah yang faktornya diukur, dimanipulasi atau dipilih oleh penyelidik untuk menentukan hubungannya dengan sesuatu gejala yang diperhatikan. Rajah 1.1 menunjukkan rawatan diberikan kepada sampel kajian menggunakan pendekatan Kognitif Tingkah Laku.



**Rajah Error! No text of specified style in document..1: Kerangka Konsep Kajian.**

Pendekatan ini diterapkan dalam sesi kaunseling individu yang dijalankan sebanyak 12 sesi. Rawatan ini diberikan kepada sampel kajian yang dikenalpastitelah bercerai dalam tempoh 1 hari hingga enam bulan. Pengaplikasian pendekatan Kognitif Tingkah Laku dilakukan adalah bertujuan untuk melihat kesan intervensi terhadap penyesuaian diri wanita.

## Metodologi Kajian

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kuantitatif. Pendekatan kuantitatif iaitu penggunaan ujian statistik sebagai usaha untuk menerangkan, menjelaskan atau mencari perhubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam suatu penyelidikan (Chua, 2006). *Single Subject Research Design* merupakan reka bentuk kajian yang melibatkan seorang individu atau sekumpulan sampel kajian melalui pengukuran secara berulang daripada satu atau lebih pemboleh ubah bersandar yang memberi kesan terhadap perubahan pemboleh ubah bersandar (Ray, 2015; Ottenbacher, 1989; Bloom & Fischer, 1982). Kajian subjek tunggal ini menggunakan reka bentuk ABA dalam kajian penyelidikan.

Data diambil daripada fasa *baseline* (A), rawatan (B) dan *reversal baseline*(A). Pada peringkat permulaan iaitu pada fasa *baseline* (A), data diambil semasa pra sesi sebanyak tiga kali dengan menggunakan instrumen kajian iaitu Skala Penyesuaian Diri Pasca Penceraian

Fisher . Pada peringkat rawatan (B) pula, data diambil sebanyak enam kali sepanjang sesi intervensi dijalankan manakala pada peringkat *reversal baseline* (A) data diambil sebanyak tiga kali selepas rawatan ditarik semula daripada sesi intervensi (A). Tujuan pengukuran dilakukan secara berulang adalah untuk membolehkan pengkaji mengurangkan ancaman terhadap kesahan dalam penglibatan reka bentuk subjek tunggal (Dallery et al., 2013). Oleh hal yang demikian, pada fasa *baseline* ini, kaunselor boleh melakukan perbandingan bagi menentukan keberkesanan intervensi.

Fasa rawatan (B) pula adalah fasa bagi tempoh pelaksanaan rawatan intervensi. Pengukuran dilakukan secara berulang terhadap pemboleh ubah bersandar yang sama untuk direkodkan (Byiers et al., 2012). Fasa rawatan ini merupakan fasa penyesuaian terhadap perubahan tingkah laku sama ada meningkat atau menurun. Pada akhir rawatan, data bagi fasa rawatan (B) dibandingkan dengan data fasa *baseline* bagi menentukan sama ada terdapat perubahan yang berlaku dalam fasa-fasa tersebut (Dallery et al., 2013). Tambahan pula, tempoh bagi fasa rawatan disarankan untuk mempunyai tempoh rawatan yang sama dengan fasa *baseline* sebagaimana yang dinyatakan oleh Barlow dan Hersen (1984).

## Dapatan Kajian

Jadual 1.1 menunjukkan data yang diperolehi dari ketiga-tiga fasa yang merangkumi purata bagi setiap fasa, perbezaan skor, tahap peratusan peningkatan dan tahap penyesuaian diri di antara P1, P2 dan P3.

Data	FDAS			Purata Setiap Tahap			T(N)-T(N+1) Perbezaan Skor			Tahap Peratusan Peningkatan			Tahap Penyesuaian Diri <sup>#</sup>
	P1	P2	P3	P1	P2	P3	P1	P2	P3	P1	P2	P3	
Baseline A1-1	253	249	249										Sederhana
Baseline A1-2	262	253	258	269.3	264	257.3							Sederhana
Baseline A1-3	293	290	265										Sederhana
Rawatan B-1 (T1)	337	330	304				-67.7 *	-66 *	-46.7 *	-25.13%	-25%	-18.15%	Tinggi
Rawatan B-2 (T2)	348	335	310				+10.0 **	4 **	+5.0 **	3.71%	1.51%	1.94%	Tinggi
Rawatan B-3 (T3)	354	345	322				+5.0 **	+9.0 **	+11.0 **	1.85%	3.4%	28.30%	Tinggi
Rawatan B-4 (T4)	359	349	324	354.3	345.5	319.3	+4.0 **	+3.0 **	+1.0 **	1.48%	1.13%	0.38%	Tinggi
Rawatan B-5 (T5)	361	352	325				+1.0 **	+2.0 **	0.0 **	0.37%	0.75%	0%	Tinggi
Rawatan B-6 (T6)	367	362	331				+5.0 **	+9.0 **	+5.0 **	1.85%	3.4%	1.94%	Tinggi
Baseline A2-1 (R)	374	366	335				-9.6 ***	-7.0 ***	-13.0 ***	-2.72%	-2.02%	-4.07%	Tinggi
Baseline A2-2 (R)	376	370	341	376.6	369	344							Tinggi
Baseline A2-3 (R)	380	371	356										Tinggi

Petunjuk: A1 = Baseline; B = Rawatan; A2 = Reversal Baseline


**Jadual 1.1: Tahap Peningkatan Skala Penyesuaian Diri P1, P2, P3**

**Peserta 1 (P1):** Skor pada fasa *baseline* (A1) adalah antara 253 hingga 293. Ketiga-tiga skor dalam fasa *baseline* A1 menunjukkan tahap penyesuaian diri yang sederhana. Analisis juga menunjukkan skor penyesuaian diri pada fasa rawatan (B) di antara 337 hingga 367 yang menunjukkan peningkatan berbanding fasa *baseline* (A1). Keenam-enam data pada fasa rawatan (B) menunjukkan tahap penyesuaian diri beradapada tahap tinggi. Di samping itu, skor

penyesuaian diri pada fasa *reversal baseline* (A2) di antara 374 hingga 376. Ketiga-tiga skor dalam fasa *reversal baseline* (A2) menunjukkan tahap penyesuaian diri adalah tinggi berbanding dengan fasa rawatan (B).


**Peserta 2 (P2):** Skor pada fasa *baseline* (A1) adalah antara 249 hingga 290. Ketiga-tiga skor dalam fasa *baseline* A1 menunjukkan tahap penyesuaian diri yang sederhana. Analisis juga menunjukkan skor penyesuaian diri pada fasa rawatan (B) di antara 330 hingga 362 yang menunjukkan peningkatan berbanding fasa *baseline* (A1). Keenam-enam data pada fasa rawatan (B) menunjukkan tahap penyesuaian diri beradapada tahap tinggi. Di samping itu, skor penyesuaian diri pada fasa *reversal baseline* (A2) di antara 366 hingga 371. Ketiga-tiga skor dalam fasa *reversal baseline* (A2) menunjukkan tahap penyesuaian diri adalah tinggi berbanding dengan fasa rawatan (B).

**Peserta 3 (P3):** Skor pada fasa *baseline* (A1) adalah antara 249 hingga 265. Ketiga-tiga skor dalam fasa *baseline* (A1) menunjukkan tahap penyesuaian diri yang sederhana. Analisis juga menunjukkan skor penyesuaian diri pada fasa rawatan (B) di antara 304 hingga 331 yang menunjukkan peningkatan berbanding fasa *baseline* (A1). Keenam-enam data pada fasa rawatan (B) menunjukkan tahap penyesuaian diri beradapada tahap tinggi. Di samping itu, skor penyesuaian diri pada fasa *reversal baseline* (A2) di antara 335 hingga 356. Ketiga-tiga skor dalam fasa *reversal baseline* (A2) menunjukkan tahap penyesuaian diri adalah tinggi berbanding dengan fasa rawatan B. Perbezaan tahap skor tahap penyesuaian diri wanita pasca perceraian P1, P2 dan P3 ditunjukkan pada Rajah 1.2.



**Rajah 1.2: Perbezaan Tahap Skor Tahap Penyesuaian Diri Bagi P1, P2 Dan P3**


Rajah 1.2 menunjukkan terdapat peningkatan skor penyesuaian diri bagi P1, P2 dan P3 setelah mengikuti rawatan dari B-1 hingga B-6. Peningkatan skor penyesuaian diri adalah tertinggi bagi P1 dan diikuti dengan P2 dan P3. Rajah 1.3 menunjukkan perbezaan purata skor penyesuaian diri bagi wanita pasca perceraian P1, P2 dan P3.




Rajah 1.3: Purata Skor Penyesuaian Diri Bagi Wanita Pasca Perceraian P1, P2 Dan P3

Rajah 1.3 menunjukkan perbezaan purata skor penyesuaian diri bagi wanita pasca perceraian P1, P2 dan P3. Bagi fasa 1 *baseline* (A) didapati purata skor penyesuaian diri bagi P1 (376.6) adalah tertinggi berbanding dengan P2 (369) dan P3 (344). Skor penyesuaian diri bagi fasa 2 rawatan (B) turut mendapati P1 beroleh purata skor tertinggi berbanding dengan P2 (345.5) dan P3 (319.3). Sementara itu, bagi purata skor fasa 3 (A-reversal) mendapati P1 (269.3) memperoleh skor yang tertinggi berbanding dengan skor P2 (264) dan skor P3 (257). Pada keseluruhan didapati P1 beroleh purata skor tertinggi bagi ketiga-tiga fasa berbanding dengan P2 dan P3.


Kaedah pengiraan *Percentage of Non-Overlapping Data* (PND) digunakan untuk mengkaji kesan intervensi Kognitif Tingkah Laku terhadap penyesuaian diri P1, P2 dan P3. Bagi mengukur kesan intervensi tersebut, data yang tinggi pada fasa rawatan (B) dibandingkan dengan data yang lebih tinggi pada fasa *baseline* (A) seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1.4 di bawah.




Rajah 1.4 (a) Peserta 1 (P1)



Rajah 1.4 (b) Peserta 2 (P2)



Rajah 1.4 (c) Peserta 3 (P3)



Rajah 1.4 (d) Peserta 1,2 dan 3

**Rajah 1.4: Kesan Rawatan Terhadap Skor Penyesuaian Diri Bagi P1, P2 Dan P3.**

Rajah 1.4(a) menunjukkan kesemua skor penyesuaian diri pada fasa rawatan (B) adalah lebih tinggi dari skor penyesuaian diri pada fasa *baseline* (A). Dengan menggunakan formula PND  $[(6/6) \times 100\%] = 100\%$ . Rawatan yang diterima oleh P1 didapati telah meningkatkan skor penyesuaian diri. Analisis juga menunjukkan terdapat peningkatan skor penyesuaian diri pada P2 dalam Rajah 1.4(b) dan P3 dalam Rajah 1.4(c). Pada keseluruhannya, rawatan yang diterima oleh P1 didapati memperoleh skor penyesuaian diri tertinggi diikuti dengan P2 dan P3 sepertimanayang ditunjukkan dalam Rajah 1.4 (d).

**Perbincangan**

Berdasarkan intervensi yang telah dijalankan, terdapat perubahan kepada skor Skala Penyesuaian Diri Pasca Perceraian Fisher yang digunakan oleh pengkaji untuk melihat keberkesanan pendekatan Kognitif Tingkah Laku terhadap penyesuaian diri yang dialami oleh klien sebelum dan selepas pelaksanaan intervensi. FDAS telah digunakan pada fasa *baseline*, fasa rawatan dan fasa *reversal baseline* untuk melihat peningkatan penyesuaian diri wanita pasca perceraian.

Hasil kajian menunjukkan terdapat peningkatan tahap penyesuaian diri wanita pasca perceraian. Hal ini dapat dilihat bahawa sesi intervensi berjaya dilaksanakan sekali gus menunjukkan keberkesanan pendekatan Kognitif Tingkah Laku terhadap peningkatan penyesuaian diri wanita pasca perceraian. Pengkaji mendapati bahawa intervensi yang dijalankan adalah bersesuaian dengan masa kajiandilakukan memandangkan peserta kajian masih pada fasa awal proses penyesuaian diri pasca perceraian dan intervensi yang telah dijalankan dapat mencegah simptom kemurungan yang boleh memberi kesan terhadap kesejahteraan mental.

Pendekatan Kognitif Tingkah Laku dapat mengubah corak pemikiran dan penyesuaian diri meliputi aspek tingkah laku wanita pasca perceraian sebagai langkah pencegahan bagi simptom yang boleh menyebabkan gangguan kesihatan mental seperti kemurungan (Beck, 1995). Penyesuaian diri wanita pasca perceraian adalah perubahan bentuk tingkah laku kesan daripada faktor fizikal dan psikologikal yang perlu disesuaikan dengan persekitaran dan masyarakat sekeliling untuk meneruskan kehidupan sebagai ibu tunggal (Solmaz et al., 2016).

Pendekatan Kognitif Tingkah Laku dilihat mampu untuk merasionalkan semula pemikiran yang negatif yang menjadi asas kepada penyesuaian diri wanita pasca perceraian dengan kaedah penstrukturan semula kognitif. Keberkesanan penstrukturan semula kognitif dapat meningkatkan penyesuaian diri wanita pasca perceraian seperti penerimaan terhadap status dan tanggungjawab sebagai ibu tunggal, perhubungan dengan bekas pasangan secara profesional tentang kebajikan anak-anak, pengutamaan kualiti kehidupan serta mempunyai keyakinan diri untuk meneruskan kehidupan seharian.

Pendekatan Kognitif Tingkah Laku dikenali sebagai pendekatan yang berkesan dalam memperbaiki pemikiran dan kepercayaan yang tidak rasional dan perubahan tingkah laku yang lebih positif khususnya melibatkan komunikasi dan penyelesaian konflik dengan bekas pasangan. Proses Kognitif Tingkah Laku juga memainkan peranan dalam memperbaiki ketidakfungsian peranan dalam keluarga dengan memberikan kefahaman kepada individu untuk bertingkah laku dengan lebih rasional dan menitikberatkan aspek komunikasi, peranan, penyelesaian masalah dan sistem kepercayaan yang baharu dalam kehidupan pasca perceraian. Aspek yang melibatkan proses pendekatan Kognitif Tingkah Laku ini penting agar tidak memberikan kesan terhadap kesejahteraan psikologi wanita pasca perceraian yang boleh mendorong kepada gangguan kesihatan mental dan menjejaskan kemampuan diri untuk meneruskan kehidupan (Goldberg et al., 2012; Brown et al., 2006).

Intervensi yang dijalankan menggunakan pendekatan Kognitif Tingkah Laku adalah dengan persetujuan antara kaunselor dan klien yang bersetuju untuk berkongsi, memberikan kerjasama pada tugas yang dirancang untuk mendapatkan hasil yang positif sepanjang intervensi, dan membina hubungan berteraskan elemen kepercayaan, penerimaan tanpa syarat dan empati. Pendekatan Kognitif Tingkah Laku yang diaplikasikan oleh kaunselor sepanjang pelaksanaan kajian ini menggunakan kemahiran asas dalam kaunseling. Kemahiran asas ini amat penting bagi mewujudkan kepercayaan peserta kajian terhadap kaunselor supaya sesi penerokaan dapat dilaksanakan.

Komitmen dan kesediaan peserta kajian mengikuti intervensi kajian sehingga tamat mempengaruhi keberkesanan pendekatan Kognitif Tingkah Laku. Hal ini disokong oleh Sharpley et al. (2006) yang menyatakan bahawa 80% daripada hasil kajian menunjukkan respons yang positif disebabkan oleh hubungan terapeutik antara kaunselor dan klien serta terdapat elemen penerimaan tanpa syarat, empati dan saling menghormati. Tambahan pula, pendekatan Kognitif Tingkah Laku yang menekankan pembinaan matlamat yang jelas membolehkan peserta kajian memahami peranan mereka untuk meningkatkan tahap penyesuaian diri wanita pascaperceraian.

Keberkesanan pendekatan Kognitif Tingkah Laku dilihat dapat meningkatkan penyesuaian diri wanita pasca perceraian melalui penstrukturan terhadap tingkah laku yang menyumbang kepada kelegaan emosi dan peningkatan nilai diri peserta kajian (Horvath & Greenberg, seperti yang (dalam Sharpley et al., 2006). Di samping itu, kesesuaian penggunaan bahasa oleh kaunselor sepanjang intervensi membolehkan peserta berfikir dan menstruktur semula pemikiran negatif (Sullivan et al., 2005).

Keberkesanan pendekatan Kognitif Tingkah Laku dalam kajian ini berfokus memfokuskan prinsip utama iaitu penstrukturan semula pemikiran untuk meningkatkan penyesuaian diri wanita pasca perceraian (Dattilio, 2006). Justeru itu, pendekatan Kognitif Tingkah Laku dapat



dilihat dalam banyak kajian yang telah dibuktikan penggunaannya dalam kajian klinikal terhadap populasi yang berbeza (Shayan et al., 2018).

### **Kesimpulan**

Kajian yang dijalankan ini mengkaji kesan intervensi Kognitif Tingkah Laku terhadap penyesuaian diri wanita pasca perceraian dan elemen-elemen yang berkaitan penyesuaian diri. Kesimpulannya, hasil kajian ini berjaya mencapai objektif kajian dan menjawab persoalan kajian. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa terdapat kesan pendekatan Kognitif Tingkah Laku terhadap penyesuaian diri wanita pasca perceraian untuk kesejahteraan psikologikal.

### **Rujukan**

- Bloom, M., & Fischer, J. (1982). *Evaluating practice: Guidelines for the accountable professional*. Prentice Hall.
- Brown, S. L., Sanchez, L. A., Nock, S. L., & Wright, J. D. (2006). Links between premarital cohabitation and subsequent marital quality, stability, and divorce: A comparison of covenant versus standard marriages. *Social Science Research*, 35(2), 454-470.
- Byiers, B. J., Reichle, J., & Symons, F. J. (2012). Single-Subject experimental design for evidence-based practice. *American Journal of Speech-Language*, 21(4), 397-414.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan: Kaedah penyelidikan*. McGraw Hill (Malaysia).
- Crawford, T. N., Cohen, P., Midlarsky, E., & Brook, J. S. (2001). Internalizing symptoms in adolescents: Gender differences in vulnerability to parental distress and discord. *Journal of Research on Adolescence*, 11(1), 96-118.
- Dallery, J., Cassidy, R. N., & Raiff, B. R. (2013). Single-case experimental designs to evaluate novel technology-based health interventions. *Journal of medical Internet research*, 15(2), 1-22.
- Dattilio, F. M. (2006). A cognitive-behavioral approach to reconstructing intergenerational family schemas. *Contemporary family therapy*, 28(2), 191-200.
- Gaffal, M. (2010). Factors influencing ex-spouses' adjustment. In *Psychosocial and legal perspectives of marital breakdown* (pp. 47-81). Springer Heidelberg.
- Gay, L.R. & Airasian, P. (2003). *Educational research; competencies for analysis and applications*. Meril Prentice Hall.
- Goldberg, M., Sabbath, E. L., Glymour, M. M., Berr, C., Singh-Manoux, A., Zins, M., & Berkman, L. F. (2012). Occupational solvent exposure and cognition: does the association vary by level of education?. *Neurology*, 78(22), 1754-1760.
- Gurian, A. (2001). Depression in adolescence: Does gender matter? [http://www.aboutourkids.Org/articles/dep\\_gender.html](http://www.aboutourkids.Org/articles/dep_gender.html).
- Girgus, J. S. & Yang, K. (2015). Gender and depression. *Journal current opinion in Psychology*, 4, 53-60.
- Haugaard, J. J. (2001). *Problematic behaviors during adolescence*. McGraw-Hill Companies, Inc.
- Mahoney, A., Coit, C., Martin, S., Fogo, W., & Kramrei, E. (2007). Post-divorce adjustment and social relationships : A meta-analytic review. *Journal of Divorce & Remarriage*, 43(3), 145-166. doi: 10.1300/J087v46n03\_09
- Ottenbacher, K. J. (1989). Statistical conclusion validity of early intervention research with handicapped children. *Exceptional Children*, 55(6), 534-540.
- Ray, B., (2015). A Review of research on Homeschooling and what might educators learn?. *Pro-Posições*, 28(2), 85-103.

- Siti Zalikah, M. N. (2005). Jika sudah habis jodoh. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sharpley, C., Jeffrey, A. & McMahon, T. (2006). Counsellor facial expression and client-perceived rapport. *Counselling Psychology Quarterly*, 19(4), 343-356.
- Sullivan, M., Skovholt, T., & Jennings, L. (2005). Master therapists' construction of the therapy relationship. *Journal of Mental Health Counseling*, 27, 48-70.
- Shayan, A., Taravati, M., Garousian, M., Babakhani, N., Faradmal, J., & Masoumi, S. Z. (2018). The effect of cognitive behavioral therapy on marital quality among women. *Int J Fertil Steril*, 12(2), 99-105.
- Vukalovich, D. (2004). Adjustment to separation and divorce: evaluation of a community group intervention program (Masters thesis, James Cook University).